



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

(dibaca oleh YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan  
Ketua Setiausaha (Operasi))

## MAJLIS PERASMIAN

**PROGRAM FORUM ADVOKASI PENDIDIKAN KESIHATAN  
REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEKERTI) UNTUK IBU BAPA**

**D' ARC HOTEL PENAMPANG, SABAH**

**18 MEI 2025 (AHAD)**

**(SALUTASI)**



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,**

**Salam Sabah Maju Jaya,**

- i. Yang Berbahagia Encik Francis Chong,  
Presiden Majlis Perbandaran Penampang
- ii. Yang Berusaha Dr. Mohd. Azizuddin Mohd Yussof,  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
- iii. Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat
- iv. Ketua-ketua Jabatan Pesekutuan dan Negeri Sabah serta  
Daerah Penampang
- v. Para peserta dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, yang  
saya kasihi sekalian.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

## **PENDAHULUAN**

1. Pertamanya saya menyampaikan salam dari YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini atas tuntutan lain yang perlu diberi keutamaan. Saya akan membacakan ucapan beliau bagi mewakili KPWKM.
2. Alhamdullillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita diberi kesempatan untuk hadir ke **Majlis Perasmian Forum Advokasi Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PEKERTI) Untuk Ibu Bapa** pada hari ini.
3. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak khususnya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) atas komitmen dalam penganjuran forum pada hari ini yang bertujuan bagi memperkasakan kesejahteraan dan keutuhan institusi keluarga di Malaysia terutamanya dalam penyampaian maklumat berkaitan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial kepada kumpulan sasar ibu bapa.

Para Hadirin yang saya hormati,

4. Untuk makluman semua, forum pada hari ini merupakan satu inisiatif LPPKN dalam menyebarluas PEKERTI kepada ibu bapa dan komuniti di Negeri Sabah selaras dengan pelaksanaan

Program PEKERTI Negara. Objektif forum ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai kepentingan Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PEKERTI) kepada ibu bapa agar dapat membantu ibu bapa berkomunikasi kepada anak-anak mengenai Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial seterusnya mampu meningkatkan jati diri remaja kita dalam menjaga harga diri dan maruah bangsa.

5. Pengajuran forum pada hari ini dilihat sebagai satu medium yang optimum dalam berkongsi maklumat kepada golongan ibu bapa berkaitan isu sosial remaja yang semakin membimbangkan kita pada hari ini. Perbincangan mengenai topik ini juga tidak seharusnya dianggap taboo atau sensitif kerana bimbang maklumat berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial ini bakal menimbulkan rasa ingin tahu dan ingin cuba dalam kalangan remaja.

### **ISU SOSIAL REMAJA**

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

#### **i) ISU REMAJA**

6. Pada masa ini, isu pergaulan bebas tanpa mengira jantina yang menular dalam kalangan remaja kita merupakan isu yang perlu kita tangani. Antara faktor kepada berlakunya perkara ini ialah kerana kurangnya didikan agama serta kurangnya maklumat kesihatan reproduktif dan sosial diterapkan bermula dari rumah.
7. Remaja mudah terpengaruh dengan maklumat yang tidak tepat, negatif dan mungkin menggelirukan mengenai kesihatan reproduktif serta ia diburukkan lagi dengan rasa malu dan tidak mahu berkongsi

bersama orang dewasa, termasuk ibu bapa dan guru. Dunia siber juga menjadi punca kepada remaja dalam menyalurkan informasi yang tidak tepat mengenai kesihatan reproduktif dan seterusnya mungkin merisikokan remaja untuk terdedah dengan pornografi, perkhidmatan seks atas talian serta antunan seksual (*sexual grooming*).

## ii) KEHAMILAN LUAR NIKAH

Hadirin yang saya hormati,

8. Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja kini juga semakin merisaukan dalam masyarakat kita. Untuk makluman semua, statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan sebanyak 17,646 kes remaja hamil luar nikah telah didaftarkan antara tahun 2019 hingga 2023 daripada sejumlah 44, 263 remaja yang hamil di Malaysia pada tahun yang sama. Data juga menunjukkan sebanyak 1,816 remaja kes kehamilan luar nikah direkodkan di negeri Sabah dari tahun 2019 hingga 2023.
9. Gejala yang berlaku ini secara langsung membawa pelbagai implikasi yang serius. Antara punca yang dikenal pasti adalah faktor sosial negatif terutamanya pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media sosial. Dalam pada itu, kurangnya pengetahuan remaja dalam pendidikan kesihatan reproduktif juga menjadi penyebab berlakunya kehamilan yang tidak dirancang ini dalam kalangan remaja.

### **iii) MODUL LPPKN**

10. Dalam kita mendepani isu ini, KPWKM melalui agensinya LPPKN telah membangunkan beberapa modul yang bertepatan dalam menyebarluaskan maklumat PEKERTI kepada kumpulan sasar, antaranya:
11. Modul intervensi yang dinamakan sebagai **Modul ACE - Accurate, Comprehensive and Effective** (Tepat, Komprehensif dan Berkesan). Modul ini mengambil kira isu seksual terkini di peringkat global dan nasional termasuk isu berkaitan perundangan dalam keganasan seksual dan pemerdagangan seksual.
12. **Modul Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial khas untuk Remaja Lelaki** yang berumur 16 tahun ke atas. Objektif modul tersebut ialah untuk meningkatkan sikap kebertanggungjawaban dalam kalangan remaja lelaki pada peringkat lewat remaja dan awal dewasa.
13. LPPKN juga memperkenalkan **Modul Cakna Diri – Edisi Ibu Bapa** supaya ibu bapa mempunyai peranan dalam memberi pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti. Modul ini dapat memberi panduan serta mempertingkatkan pengetahuan ibu bapa berhubung kesihatan reproduktif remaja dan kemahiran dalam memahami perkembangan fisiologi dan psikososial anak remaja.

### **HARAPAN**

Hadirin yang saya kasihi,

14. Memandang ke hadapan, KPWKM akan terus prihatin dalam hal ini seiiring dengan pembentukan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengangkat martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.
15. Maka peranan dan keberadaan tuan/ puan pada hari ini amat penting dalam menjadi pemangkin dan penggerak kepada pembinaan sahsiah diri remaja dan komuniti.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

16. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak di Negeri Sabah yang menyokong setiap langkah KPWKM dalam menjayakan inisiatif berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial.
17. Dengan lafaz Bismillahirrahminirrahim, saya merasmikan **Majlis Perasmian Forum Advokasi Pendidikan Kesihatan Reproduktif Dan Sosial (PEKERTI) Untuk Ibu Bapa.**

**Sekian,**

***Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakattuh.***